



---

## **GARISPANDUAN BERKENAAN DENGAN JENIS PENYAKIT SERIUS BAGI MAKSUD PERENGGAN 46(1)(g) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP 1967)**

### **1. OBJEKTIF**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung dengan jenis-jenis penyakit yang boleh diberi pertimbangan untuk potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(g) ACP 1967. Perenggan ini memberi potongan cukai kepada individu sehingga jumlah maksimum sebanyak lima ribu ringgit bagi perbelanjaan perubatan oleh individu itu untuk dirinya sendiri, isteri atau suaminya atau anaknya yang mengidap penyakit serius.

### **2. PENYAKIT SERIUS**

Penyakit serius boleh diklasifikasikan sebagai penyakit *acute and chronic* yang tidak dapat diubat lagi serta memerlukan rawatan perubatan yang berpanjangan ( *prolonged medical treatment* ) dan terpaksa bergantung kepada ubat-ubatan yang berkemungkinan menyebabkan kesan sampingan atau penyakit lain.

Antara ciri-ciri tahap serius perlu ada unsur-unsur:-

- (i) *Life threatening* – mengancam nyawa
- (ii) *Socio economic* – rawatan/perubatan dengan kos yang tinggi dan berterusan
- (iii) *Acute medical illness requiring admission to hospital*

### **3. PROSEDUR TUNTUTAN**

3.1 Tuntutan potongan hendaklah dibuktikan melalui resit dan perakuan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan bahawa rawatan perubatan telah diberikan

kepada individu itu, isteri atau suami atau anaknya bagi penyakit serius. Resit dan surat perakuan yang boleh diterima hanyalah daripada pengamal perubatan yang berdaftar sahaja.

- 3.2 Nama dan nombor rujukan cukai pendapatan individu yang menuntut perbelanjaan hendaklah dicatatkan dibelakang resit. Resit dan surat perakuan hendaklah disimpan dan dikemukakan apabila dikehendaki oleh pegawai audit Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
- 3.3 Pengamal Perubatan bermaksud ahli perubatan (dokter) yang berdaftar dengan Malaysian Medical Council (MMC)]
- 3.4 LHDNM akan meneliti laporan *final diagnosis* yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan dalam menentukan jenis penyakit serius yang dihadapi oleh pembayar cukai yang menuntut potongan tersebut. *Symptom* yang ada dalam Laporan Perubatan tidak akan diambilkira. *Provisonal diagnosis* daripada seseorang pengamal perubatan yang berdaftar juga tidak boleh dianggap sebagai surat perakuan.

#### 4. RASIONAL

- 4.1 Mangsa dalam satu kemalangan apabila dimasukkan ke hospital walaupun selamat tetapi dalam keadaan serius dan nyawa yang terancam dengan kecederaan yang amat teruk boleh dipertimbangkan untuk pelepasan cukai ini. Rasional di sebalik pelepasan ini ialah kos rawatan perubatan rapi dan berpanjangan yang terlalu tinggi dan kos ini merupakan perbelanjaan sekaligus.
- 4.2 Melepuh dan melecur yang disebabkan oleh kemalangan yang serius dan dapat diukur daripada bahagian anggota yang terlibat yang boleh mengakibatkan sama ada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau kecacatan yang serius yang boleh menyebabkan ketidaksempurnaan anggota atau kehilangan fungsi kaki/tangan. Kecacatan dan ketidaksempurnaan yang memerlukan prosidur pembedahan seterusnya boleh dipertimbangkan untuk diberi potongan cukai.
- 4.3 Ketidaksempurnaan anggota tidak layak diberi potongan di bawah perenggan 46(1)(g) ACP 1967 kerana pelepasan boleh dituntut di bawah perenggan 46(1)(d) ACP 1967. Walau bagaimanapun perbelanjaan yang dikeluarkan untuk rawatan perubatan apabila pertama kali dimasukkan ke hospital yang menyebabkan ketidaksempurnaan anggota itu, seperti pemotongan atau kelumpuhan bagi satu atau lebih kaki atau tangan, boleh diberi potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(g) ACP 1967.
- 4.4 Dalam keadaan yang tertentu, beberapa penyakit serius yang tidak terdapat dalam Lampiran A di atas, boleh dipertimbangkan untuk potongan cukai berdasarkan kepada syor/cadangan pakar perubatan yang berdaftar tertakluk

kepada ketidaksempurnaan yang kekal atau perbelanjaan yang dikeluarkan. Pembayar cukai boleh membuat permohonan kepada Cawangan di mana fail dikendalikan.

5. Senarai penyakit serius di bawah subseksyen 46(2) ACP 1967 bagi maksud potongan cukai di bawah perenggan 46(1)(g) ACP 1967 adalah seperti di Lampiran A.

Disediakan oleh:

Bahagian Khidmat Nasihat  
Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri  
4 Mei 2011

**SENARAI JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK/SERIUS  
DI BAWAH SUBSEKSYEN 46(2) AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP) 1967  
YANG BOLEH DI BERI PERTIMBANGAN BAGI MAKSUD POTONGAN CUKAI  
DI BAWAH PERENGGAN 46(1)(g) ACP 1967**

1. Kanser

Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan *histology* yang jelas. Penyakit ini merangkumi *leukemia lymphoma* dan penyakit *Hodgkin* tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali *malignant melanoma*.

2. Serangan Jantung

Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang kebahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat.

Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:-

2.1 Penggantian atau Pembaikan Injap Jantung

Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak.

2.2 Pembedahan Arteri Jantung/Coronary Angioplasty

Prosedur yang melibatkan *coronary artery bypass surgery* dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk *angioplasty*.

2.3 Pembedahan Aorta

Prosedur yang melibatkan bahagian aorta yang sakit dibedah dan digantikan dengan *graft*. Aorta yang terlibat ialah *thoracic* dan *abdominal aorta*.

3. Pulmonary Hypertension

4. Sakit Buah Pinggang Yang Kronik

Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan dialisis renal dan pemindahan renal.

5. Sakit Hati (Liver) Yang Kronik

Tanda-tanda penyakit ialah diserangi penyakit *jaundice*, *ascites* dan/atau *hepatic encephalopathy*.

6. Fulminant Viral Hepatitis

*Necrosis* hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan *massive parenchymal liver disease* dan juga tanda-tanda *portosystemic encephalopathy*.

7. Kecederaan Di Kepala Disebabkan Kemalangan

Kecederaan kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan *neurological deficit* yang juga boleh mengakibatkan kematian bila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan, atau walaupun Selamat, pesakit mengalami kecederaan kepala yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.

8. Tumor Dan Kecacatan Pembuluh Darah Di Otak

Pengesahan mestilah diperolehi daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.

9. Melepuh Dan Melecur Kerana Kebakaran

*Third degree burns* yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaikpulih.

10. Pemindahan Organ Utama

Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru, pankreas dan tulang som-som.

11. Penyakit Parkinson

12. Penyakit HIV Dan Aids

13. Pemindahan Kaki Dan/Atau Tangan

Ini tidak merupakan penyakit dalam ertikata sebenar. Namun begitu kecederaan dan ketidaksempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan disebelah atas termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa

dipotong. Pemetongan kecil je jari kaki atau tangan tidak layak diberi potongan cukai di bawah peruntukan ini.

14. Chronic Skin Disease: Psoriasis, Phempigus, Steven-Johnson Syndrome
15. Mental Illness: Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression
16. Endocrine Disease: Diabetes Mellitus With Complications
17. Rheumatology: Rhemathoid Arthritis, Systemic Lupus Erythemathousus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout
18. Tallasemia Major
19. Major Organ Transplant